

# LAPORAN TAHUNAN 2006

Bahagian Perancang Jalan  
KEMENTERIAN KERJA RAYA



# K A N D U N G A N

PRAKATA	3
PERSPEKTIF BAHAGIAN	7
AKTIVITI TAHUNAN DAN PENCAPAIAN	19
PROGRAM SOSIAL DAN FIKIR	29
ARTIKEL KHAS	33
KERATAN AKHBAR	35
PERJAWATAN DAN PENGIFTIRAFAN	37
KURSUS DAN LATIHAN	41
DIREKTORI PENGURUSAN	49





BLOK  
**B**

**A**

PINTU  
**A**

P R A K A T A

**PERUTUSAN KETUA  
SETIAUSAHA**

**PERUTUSAN PENGARAH**



# Perutusan Ketua Setiausaha

Assalamualaikum wrh dan salam sejahtera,

**T**erlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk memberi sepatah dua kata dalam Laporan Tahunan 2006 Bahagian Perancang Jalan (BPJ) ini. Di dalam masa yang sama saya juga ingin mengucapkan syabas kepada semua warga BPJ kerana telah dapat menghasilkan laporan lengkap dan bermaklumat ini.

Diantara pencapaian utama Bahagian Perancang Jalan pada tahun 2006 adalah melaksanakan Sistem Pengumpulan Data Trafik Secara Telemetrik dengan menggunakan teknologi baru tanpa hadir di dalam menjalankan bancian trafik di seluruh negeri. Dalam sistem ini, bancian trafik dijalankan sepanjang masa dan ini akan meningkatkan kualiti dan ketepatan data yang diperolehi.

Disamping itu, dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pengumpulan data kemalangan agar lebih tepat dan singkat, BPJ telah memperkenalkan kaedah baru dengan penggunaan peralatan Global Positioning System bagi mengetahui lokasi sering berlaku kemalangan.

Pada tahun 2006 juga, BPJ telah menghasilkan dua (2) Manual iaitu Trip Generation Manual dan Highway Capacity Manual. Highway Capacity Manual adalah penting untuk menjadi panduan dalam menilai keupayaan dan kualiti perkhidmatan kemudahan-kemudahan pengangkutan jalan dan lebuhraya di kawasan bandar dan luar bandar. Manakala Trip Generation Manual adalah dihasilkan bertujuan untuk membantu perancang pengangkutan untuk meramal bilangan penjanaan lalulintas yang dihasilkan oleh sesuatu kategori kegunaan tanah di peringkat perancangan sesuatu pembangunan. Saya berharap kedua-dua manual ini dapat dimanfaatkan oleh semua perancang jalan.

Bagi meningkatkan daya saing diperingkat global selaras dengan visi BPJ sebagai 'Pusat Perancangan Jalan dan Perundingan Trafik Yang Terbilang', BPJ telah berjaya melaksanakan beberapa langkah bagi merealisasikan visi tersebut. Sesungguhnya peranan BPJ dalam perancangan jalan dan pengurusan trafik sudah diperakui dan telah mendapat pengiktirafan daripada pelbagai pihak. Justeru itu melalui kepakaran yang sedia ada disertai dengan semangat berpasukan dan dedikasi yang ditunjukkan oleh semua warga kerja diharapkan prestasi dan produktiviti BPJ akan dapat terus diperbaiki.

Akhir kata, besarlah harapan saya agar warga BPJ dapat meningkatkan lagi prestasi dan mutu kerja yang lebih cemerlang pada tahun-tahun yang akan datang demi kepentingan perkhidmatan dan negara.

Sekian, Terima kasih.



DATO' SYED JAMAL BIN SYED JAAFAR

Ketua Setiausaha

Kementerian Kerja Raya MALAYSIA

# Perutusan Pengarah

Assalamualaikum w.b.h dan salam sejahtera,

Syukur Alhamdulillah Bahagian Perancang Jalan (BPJ) telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan 2006. Laporan tahunan ini merupakan sumber maklumat dan panduan yang amat berfaedah kepada semua warga kerja dan pelanggan BPJ khususnya dan Kementerian Kerja Raya (KKR) annya. Penerbitan laporan ini bukan sahaja sebagai sumber rujukan dan kenangan tetapi mengimbang kembali pencapaian serta peranan BPJ dalam mengendalikan kajian-kajian yang telah diamanahkan kepada BPJ sepanjang tahun 2006.

Disamping itu, penghasilan Laporan Tahunan ini menunjukkan kemampuan semua pegawai dan kakitangan BPJ di dalam menujuodkan kerjasama dan kualiti kerja yang mesra dan bersepadu.

Tahun 2006 merupakan tahun yang penting kepada BPJ memandangkan tahun ini merupakan tahun permulaan dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK9). Di bawah RMK9, program pembangunan jalanraya telah dilaksanakan berdasarkan strategi serampang tiga mata iaitu meningkatkan keupayaan, menyediakan akses ke kawasan luar bandar dan pembangunan baru serta meningkatkan keselamatan jalanraya. Justeru itu, BPJ terus memainkan peranan yang amat penting di dalam merancang sistem rangkaian jalanraya negara untuk kesejahteraan serta kemakmuran rakyat.


Tahun 2006 juga mencatatkan pencapaian prestasi fizikal dan perbelanjaan kewangan yang baik bagi kajian-kajian projek pembangunan yang dijalankan di bawah BPJ. Secara keseluruhan prestasi fizikal projek pembangunan telah mencapai 100% dengan peratusan perbelanjaan peruntukan 2006 adalah sebanyak 100.26% sementara prestasi belanja mengurus ialah sebanyak sebanyak 99.2%.

Usaha untuk meningkatkan Sistem Peyampaian Perkhidmatan Awam diperkuuh lagi dengan pengenalan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi mengukur kecekapan dan keberkesan proses, produktiviti sumber dan tahap kepuasan pelanggan. Alhamdulillah pada tahun 2006, BPJ telah mula mengorak langkah dan berazam untuk mencapai petunjuk prestasi berkenaan dimana sebanyak 38 projek kajian telah disenaraikan untuk dicapai pada tahun 2007.

Akhir kata saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga kerja BPJ di atas segala dedikasi dan usaha gigih mereka dalam memberikan perkhidmatan terbaik dan cemerlang seiring dengan visi dan misi BPJ. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian, semua Bahagian dan pertubuhan yang berkaitan di atas segala kerjasama dan sokongan yang berterusan.

Sekian, Terima kasih.

IR. MD. AMIR BIN KASIM  
Pengarah  
Bahagian Perancang Jalan





KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA



JALAN SULTAN SALAHUDDIN



# PERSPEKTIFAHAGIAN

VISI  
—  
MISI  
—  
OBJEKTIF  
—  
FUNGSI  
—  
PIAGAM  
—  
CARTA ORGANISASI



VISI



**“Menjadi Pusat  
Perancangan Jalan Dan  
Perundingan Traffik Yang  
Terbilang.“**

MISI



**“Mewujudkan Sistem Jalan  
Raya Yang Ekonomi, Cekap,  
Selamat Serta Mesra Alam Dan  
Pengguna.“**

# OBJETIF



**Merancang rangkaian jalan raya yang mesra alam bagi merangsang pembangunan sosio-ekonomi negara;**



**Membantu Pihak Berkuasa Tempatan dalam menyelesaikan masalah pengangkutan bandar;**




**Menyediakan khidmat nasihat kepada agensi-agensi Kerajaan dan negeri dalam hal-hal yang berkaitan dengan kejuruteraan trafik;**



**Meningkatkan mutu keselamatan jalan raya melalui kaedah kejuruteraan;**



**Meningkatkan keberkesanan rangkaian jalan raya, keselamatan dan keselesaan pengguna melalui kaedah teknologi sistem pengangkutan pintar;**



Merancang, merumus dan menyediakan pelan pembangunan jalan raya bagi menggalakkan pembangunan sosio-ekonomi negara.

Bertanggungjawab dalam membantu Kerajaan Negeri dan agensi-agensi lain dalam hal-hal yang berkaitan dengan aktiviti perancangan jalan.

Fungsi-fungsi ini dilaksanakan oleh seksyen-seksyen berikut:-

**PERANCANGAN SEKTORAL**

Mengkaji keupayaan sistem rangkaian jalan raya bagi menampung permintaan trafik semasa dan akan datang, mengenalpasti keperluan menyeluruh sektor pengangkutan jalan raya dan merangka program pelaksanaan jangka pendek dan panjang.

**PERANCANGAN PENGANGKUTAN BANDAR**

Mengkaji masalah pengangkutan bandar dan mengesyorkan langkah-langkah yang bersesuaian untuk mengatasi masalah pengangkutan Bandar.

**PENILAIAN PROJEK**

Menjalankan kajian kemungkinan bagi menentukan daya maju projek jalan yang dicadangkan dari segi teknikal dan ekonomi termasuk membuat unjuran trafik bagi projek-projek penswastaan lebuhraya.

**STATISTIK DAN DOKUMENTASI**

Menjalankan bancian dan kajian lalulintas bagi mengumpul maklumat mengenai ciri-ciri operasi perjalanan serta lain-lain maklumat untuk tujuan perancangan jalan.

**KESELAMATAN JALAN RAYA.**

Mengumpul dan menganalisis data kemalangan jalan raya untuk mengenalpasti kawasan yang sering berlaku kemalangan dan mengesyorkan konsep langkah pembaikan.



#### **GUNATANAH**

Menyelaras aktiviti perancangan jalan raya dengan perancangan guna tanah bagi sesuatu kawasan agar perancangannya dapat dijalankan secara bersepadu.



#### **ALAM SEKITAR**

Menjalankan kajian Kesan Alam Sekitar bagi projek jalan yang dicadangkan secara jabatan atau perunding.



#### **SISTEM PENGANGKUTAN PINTAR (ITS)**

Menetapkan halatuju pembangunan Sistem Pengangkutan Pintar dinegara ini serta merancang dan memantau pelaksanaan sistem tersebut.




#### **PENILAIAN IMPAK SOSIAL**

Menjalankan kajian Kesan Impak Sosial bagi projek jalan yang dicadangkan secara jabatan atau perunding.



#### **PENTADBIRAN**

Memberi khidmat sokongan pengurusan dan kewangan yang berkualiti kepada semua seksyen dalam Bahagian.



# PLAGAM PERANCANGAN

- Menerbitkan 'Road Traffic Volume Malaysia' sebelum 30 Jun setiap tahun;
- Menyediakan senarai lokasi merbahaya dikeluarkan sebelum 30 Ogos;
- Menyediakan ulasan injuran trafik bagi projek penswastaan dalam tempoh dua (2) bulan;
- Selesai memproses data-data bantuan kebangsaan dua (2) bulan selepas bantuan;
- Membayar tuntutan perunding dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan invoice;


# STRUKTUR ORGANISASI


Bahagian Perancang Jalan Kementerian Kerja Raya yang diketuai oleh Pengarah dibahagikan kepada 11 Seksyen iaitu,

-  Seksyen Sektorial
-  Seksyen Pegangkutan Pintar
-  Seksyen Perancangan Trafik
-  Seksyen Keselamatan Jalanraya
-  Seksyen Penilaian Impak Sosial
-  Seksyen Penilaian Projek Zon1
-  Seksyen Penilaian Projek Zon 2
-  Seksyen Perancangan Projek
-  Seksyen Guna Tanah
-  Seksyen Alam Sekitar
-  Seksyen Pentadbiran dan Kewangan

# CARTA ORGANISASI

BAHAGIAN PERANCANG JALAN KEMENTERIAN KERJA RAYA  
(sehingga 31 Disember 2006)





## Kakitangan Kementerian Kerja Raya - Bahagian Perancang Jalan -



Duduk dari kiri ke kanan :

Zainun Bt Abdul Latif, Rusmawati Bt Latif, Norjafni B Zainuddin, Nordin B Abdul Rahman, Kamaruzaman B Hussen, Hj Jamaludin B A. Rahim, Ir Md. Amir B Kasim (Pengarah), Yap Ban Poe, Ir Shamsudin B Sabri, Roslan B Mat Sapri, Jamariah Bt Isam, Meria Bt Sudin.

Baris kedua dari kiri ke kanan :

Cik Nurulaina Bt Mohd Razali, Cik Zurida Bt Zulkipli, Nor Asidah Bt Buang, Wan Noorita Bt Wan Mamat, Hashimah Binti Hashim,  
Cik Norbaizura Bt Abu Hazim, Cik Siti Zubaidah Bt Jusoh, Cik Hafizah Bt Abdullah, Mazlah Bt Othman,

Cik Suzana @ Sakinah Bt Ibrahim, Cik Norhizan Bt Shamsuri, Siti Zamrah Bt Said Mamat, Zainun Bt Awang Dolah Omar.

Baris ketiga dari kiri ke kanan :

Othman B. Husin, P. Thilakar, Mukhzani B Abd. Latif, Mohd Raduan B Yaakob, Rosli B Ahmad,  
Yuvabalan A/L Govindasamy, Mohd Syukri B Md. Hanafiah, Mohd Harizam B Ibau Nui, Mohamad Nizam B Mustafa.

Baris keempat dari kiri ke kanan :

M. Narayanan A/L Munisamy, Ahmad Zubaidi B Saringat, Mohammad B Hj. Othman, Mohd Shaseem B Mohd Nordin,  
Mohd Nizar B Nasron, Roslan Bin Moh.

## Jawatankuasa laporan Tahunan 2006 - Bahagian Perancang Jalan -



Duduk dari kiri ke kanan :

Mohd Syukri B Md. Hanafiah, Meria Bt Sudin, Jamariah Bt Isam, Cik Suzana @ Sakinah Bt Ibrahim, Norjafni B Zainuddin

Berdiri dari kiri ke kanan :

Mohd Harizam B Ibau Nui, Yuvabalan A/L Govindasamy, Mohd Raduan B Yaakob



# CABARAN DAN PROSPEK

## CABARAN

Rangkaian Jalan Raya Perlu Mencukupi

Keperluan Data Dan Maklumat Yang Berkualiti

Meningkatkan Keselamatan Dan Keselesaan Pengguna

## PROSPEK



# CABARAN

**B**ahagian Perancang Jalan menghadapi pelbagai cabaran dalam melaksana tanggungjawabnya untuk mencapai Misi Kementerian iaitu Untuk Mewujudkan Sistem Jalan Raya Yang Ekonomi, Cekap, Selamat Serta Mesra Alam dan Pengguna di Negara. Beberapa Cabaran utama yang dihadapi adalah di antaranya:

## Rangkaian Jalan Raya Perlu Mencukupi

Sistem rangkaian jalan raya di Malaysia perlu mantap dan menyeluruh untuk pembangunan sosio-ekonomi negara dan menjadikan Malaysia sebagai negara maju pada tahun 2020 nanti. Selain dari meningkatkan keupayaan jalan melalui menaik taraf jalan raya sedia ada, rangkaian jalan raya baru perlu dibina bagi menampung kehendak pengguna lalulintas serta meningkatkan mutu aksesibiliti kepada bandar utama dan peningkatan keselesaan dan keselamatan jalan raya. Hubungan antara bandar-bandar perlu juga dibaiki dan perhubungan fizikal kawasan luar bandar dan kawasan kurang maju perlu dipertingkatkan lagi. Petunjuk-petunjuk pembangunan jalan raya dijangka akan terus meningkat pada masa hadapan. Indeks Pembangunan Jalan ialah 0.76 bagi tahun 2005 berbanding 0.74 pada tahun 1995.

## Keperluan Data Dan Maklumat Yang Berkualiti

Data dan maklumat yang tepat serta berkualiti meru-

pakan elemen penting dalam kerja-kerja perancangan sesuatu rangkaian jalan raya atau lebuh raya, Justeru itu, antara isu yang perlu ditangani secara berterusan ialah memastikan data dan maklumat sentiasa dikemaskini supaya kebolehpercayaannya (data reliability) tidak diragui untuk digunakan dalam sebarang kajian yang akan dilaksanakan. Selain itu penggunaan teknologi-teknologi terkini turut dapat membantu meningkatkan kualiti data yang dicerap seperti pemasangan sensor pada stesen benci kekal yang mampu memberikan data trafik sepanjang masa. Selaras dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi, Bahagian pada masa yang sama memerlukan pangkalan data fizikal yang komprehensif mengenai aspek-aspek gunatanah, sosio-ekonomi, keselamatan jalan-ray dan alam sekitar. Maklumat ini boleh diperolehi melalui pembangun pangkalan data dengan penggunaan Sistem Maklumat Geografi (GIS).

## Meningkatkan Keselamatan Dan Keselesaan Pengguna

Kadar kemalangan yang tinggi yang berlaku di jalan raya di Malaysia perlu dikurangkan pada kadar yang paling minima. Bagi mencapai tujuan tersebut, Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk mengurangkan kadar kematian akibat kemalangan jalanraya bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar kepada 2.0 kematian menjelang 2010 dan 1.0

menjelang 2020. Sejak dengan sasaran tersebut, pada RMK 9 juga, buat pertama kalinya Kerajaan telah bersetuju untuk memperluaskan kerja-kerja pembaikan di lokasi-lokasi kerap berlaku kemalangan secara kos rendah di jalan-jalan Negeri dan juga jalan-jalan Persekutuan. Kerajaan sesungguhnya telah merancang untuk menjadikan rangkaian jalan raya di Malaysia sebagai tempat yang selamat, dan menghindarkan pengguna dari sebarang kemalangan dan bencana.

Selain daripada itu untuk keselesaan pengguna juga perlu dititikberatkan. Jajaran dan struktur jalan raya bukanlah faktor utama yang menyumbang terhadap kemalangan jalan raya bahkan melibatkan faktor-faktor lain. Dengan ini pelbagai kaedah baru selain daripada kaedah kejuruteraan turut diperkenalkan seperti penyediaan lorong motosikal,

dan tambahan kawasan Rehat dan Rawat (R&R) atau kawasan hentian di jalan-jalan Persekutuan, dengan matlamat untuk mengurangkan atau sebaik-baiknya mengelakkan kemalangan jalanraya daripada berlaku. Dalam menangani kemalangan maut di jalan raya yang melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal terutamanya adalah merupakan salah satu cabaran kepada Bahagian ini untuk mencapai sasaran kadar kematian tahunan. Lanjutan itu, Kerajaan mulai RMke9 ini telah bersetuju agar semua jalan raya baru perlu disertakan dengan lorong motosikal yang berasingan. Ini secara langsung dapat mengurangkan konflik di antara motosikal dengan pengguna jalan raya lain dan seterusnya dapat mengurangkan jumlah kemalangan yang melibatkan pengguna dan penunggang motosikal di masa hadapan kelak.

## PROSPEK

**B**ahagian telah menetapkan Visi iaitu Untuk Menjadi Pusat Perancangan Jalan dan Perturunan Trafik Yang Terbilang Di Malaysia. Pada masa hadapan Bahagian akan terus menjadi peneraju dalam merancang pembangunan jalan raya di Negara ini. Dibawah RMK 9 seterusnya perancangan jalan raya akan ditumpukan kepada usaha meningkatkan penggunaan kemudahan jalan raya sedia ada. Penekanan diberi kepada kebolehsampaian dan peluasan rangkaian ke kawasan kurang membangun serta peningkatan keupayaan. Strategi perancangan adalah untuk meningkatkan perhubungan fizikal ke kawasan yang kurang membangun, terutamanya kawasan yang berpotensi un-

tuk pembangunan pelancongan, pertanian dan pusat pertumbuhan luar bandar. Ini dapat dicapai dengan terlaksananya Kajian Semula Pelan Pembangunan Rangkaian Lebuh Raya (HNDP). Melalui kajian ini senarai projek mengikut keutamaan bagi penambahbaikan rangkaian jalan raya di Semenanjung Malaysia disediakan. Penambahbaikan jalan dilaksanakan melalui dua(2) cara iaitu pembinaan jalan baru atau pelebaran jalan sedia ada. Disamping itu kajian ini juga akan mengenalpasti projek-projek jalan raya yang boleh dilaksanakan dibawah program penswastaan. Bagi kawasan Sabah dan Sarawak Pelan Induk Pembangunan Jalan Raya akan



disediakan sebaik saja Kajian HNDP Fasa 2 bermula, dan ia dijangka siap pada akhir RMK 9.

Dalam mencapai sasaran kematian menjelang 2020, Kerajaan telah melaksanakan konsep 3E's iaitu Engineering (Kejuruteraan), Enforcement (Peneguatuasaan) dan Education (Pendidikan). Kementerian Kerja Raya akan terus menggunakan pendekatan kejuruteraan dan pelbagai kaedah yang lain untuk menjadikan jalan raya di Malaysia selamat dan terhindar dari sebarang kemalangan dan bencana. Kawasan kemalangan di jalan-jalan akan ditambah baik melalui perancangan yang teliti, terperinci dan berkesan berpandukan kepada garis panduan yang bersesuaian. Ini termasuk langkah-langkah memperelokkan selekoh berbahaya, menyediakan lorong memotong, menyediakan bahu jalan berturap, menyediakan kemudahan jejantas pejalan kaki, dan menambah baik papan tanda jalan. Kaedah terbaru turut diperkenalkan termasuk untuk menyediakan lorong-lorong motosikal bagi jalan-jalan baru dibina, menambah bilangan ka-

wasan rehat dan rawat (R&R) di jalan-jalan Persekutuan, meningkatkan kemudahan R&R sedia ada serta memperelokkan kawasan kerap berlaku kemalangan di jalan Negeri dan jalan Perbandaran.

Sebagai penyelaras dan pemantau pelaksanaan ITS di Negara ini, Bahagian bertanggungjawap didalam membangun dan merangka strategi dan dasar pembangunan ITS agar setiap pelaksanaan ITS yang dibangunkan oleh pihak Kerajaan dan swasta dapat berkomunikasi dan beroperasi antara satu sama lain. Penggunaan ITS dalam pengurusan lalu lintas akan terus menjadi strategi penting dalam mengatasi kesesakan lalu lintas di negara ini. Penggunaannya juga mampu meningkatkan tahap keselamatan jalan raya serta mengurangkan pencemaran. Bagi memastikan pelaksanaan ITS di negara ini berjaya, perancangan yang teliti perlu dilakukan. Pengalaman negara luar perlu diambilkira dan disesuaikan dengan keperluan tempatan. Tumpuan juga harus diberi kepada keberkesanan aplikasi ITS didalam mewujudkan sistem penguru-

san lalu lintas bersepadu yang merangkumi sistem kawalan lalu lintas bandar, penyaluran maklumat awal, keselamatan pengangkutan awam, pengeasan kenderaan, pengurusan kecemasan, dan penquatkuasaan undang-undang lalu lintas.

Selain memastikan kajian-kajian yang dilaksanakan tepat, mantap dan mengikut jadual yang

ditetapkan, Bahagian juga perlu memastikan perancangan dijalankan memenuhi kehendak atau kepuasan pengguna. Langkah-langkah untuk menilai keberkesaanan perancangan ini perlu diambil dengan membuat penilaian terhadap kesesuaian, keberkesaan dan kecekapan.





# KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

MINISTRY OF WORKS MALAYSIA

"KE ARAH KESEJAHTERAAN RAKYAT"



INFORMASI

# AKTIVITI TAHUNAN DAN PENCAPAIAN

## Aktiviti Tahunan

Perancangan Rangkaian Jalan Yang Komprehensif

Peningkatan Dalam Pengumpulan Data Dan Maklumat Trafik

## Pencapaian

Kaedah Menangani Masalah Kesesakan

Sistem Pengangkutan Pintar

Usaha Meningkatkan Keselamatan Jalan Raya

Penswastaan Lebuhraya Bertol



# Aktiviti Tahunan

**A**lah menjadi hasrat atau Visi Bahagian untuk menjadi Kementerian Kerja Raya sebagai Pusat Perancangan Jalan Dan Perundingan Trafik Yang Terbilang di Negara ini. Dalam menuju ke arah ini pada tahun 2006 Bahagian telah berjaya sepenuhnya mencapai perkara-perkara seperti berikut:

## Perancangan Rangkaian Jalan Yang Komprehensif

Kementerian Kerja Raya dalam usahanya untuk memantapkan sistem rangkaian jalan raya utama pada peringkat wilayah dan nasional, pada tahun 1993 dengan kerjasama JICA telah menyediakan Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Kebangsaan. Ia menggariskan dasar, strategi, anggaran kos pelaksanaan projek-projek yang dikenalpasti dan program pelaksanaan mengikut keutamaan sehingga tahun 2010. Dasar penswastaan telah berjaya mempercepatkan pelaksanaan projek-projek yang dikenalpasti dalam Kajian ini serta mensasarkan matlamat perancangan sehingga tahun 2020, Bahagian telah mengambil langkah menyediakan Kajian Semula Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya (*Highway Networks Development Plan*(HNDP)). Kajian ini dijalankan dalam dua (2) fasa. Fasa 1 bagi Semenanjung Malaysia dan Fasa 2 bagi Sabah dan Sarawak. Ia melibatkan kerja-kerja pengumpulan data dan maklumat-maklumat sosioekonomi, analisa terhadap ekonomi dan kewangan. Pelan Induk ini akan merangka program pelaksanaan jalan-

jalan mengikut keutamaan sehingga ke tahun 2020 yang melibatkan kerja-kerja menaik taraf jalan dan pembinaan jalan-jalan baru termasuk menentukan lokasi persimpangan-persimpangan yang strategik disepanjang lebuh raya dan jalan-jalan Persekutuan, dan mengenal pasti projek-projek lebuh raya yang boleh diswasta atau dilaksanakan di bawah *Private Finance Initiative* (PFI). Dengan adanya Pelan Induk ini nanti keperluan menyeluruh sektor pengangkutan jalan raya di Malaysia akan dikenalpasti sepenuhnya. Program pelaksanaan yang dirangka oleh Kajian ini merangkumi tempuh RMK 9, RMK 10 dan RMK 11. Dibawah Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Kebangsaan yang telah disediakan beberapa jalan raya utama seperti Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 dari Karak ke Kuantan di Pahang, Lebuhraya Port Dickson-Seremban, dan *South Klang Valley Expressway* telah dilaksanakan.

Di samping ini, Bahagian juga telah merangka *Blue Print* Pelaksanaan Rangkaian Jalan Raya/Lebuh Raya Malaysia Dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan. Dokumen ini mengandungi topik utama yang menerangkan program perancangan, matlamat dan strategi pelaksanaan rangkaian jalan dalam RMK 9. Dokumen ini akan menjadi hala tuju dalam pelaksanaan rangkaian jalan raya di masa hadapan dan boleh dijadikan sebagai bahan rujukan utama kepada agensi-agensi berkaitan. Rangka pelaksanaan ini adalah untuk menentukan pelaksanaan program-program Kementerian amnya dan Bahagian khusunya, adalah berpandukan kepada teras pembangunan infrastruktur yang ditetapkan

oleh Kerajaan dan Kajian HNDP, iaitu tumpuan kepada peningkatan rangkaian dan penggunaan kemudahan sedia ada secara lebih optimum bagi menggalakkan aktiviti ekonomi negara, dan meningkat akses kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar dan kawasan pengeluaran setempat.

### **Peningkatan Dalam Pengumpulan Data Dan Maklumat Trafik**

Perancangan sesuatu rangkaian jalan raya atau lebuh raya memerlukan data-data trafik yang memberi gambaran sebenar dan tepat. Bagi tujuan tersebut pihak Bahagian Perancang Jalan telah melaksanakan kajian-kajian trafik seperti Kajian Data Lalulintas Malaysia 2006 serta Kajian Sistem Pengumpulan Data Trafik Secara Telemetri. Dalam Kajian Data Lalulintas Malaysia 2006, data-data diperolehi melalui bancian secara manual yang dijalankan dwi tahunan bersama Jabatan Kerja Raya Negeri dan digunakan bagi penerbitan Laporan Road Traffic Volume Malaysia. Data trafik turut diperolehi secara telemetri iaitu melalui pemasangan stesen binci telemetri yang menggunakan teknologi baru tanpa hadir di dalam bancian di seluruh negara. Pada masa ini, terdapat 554 stesen binci secara manual dan 120 stesen binci kekal yang ditambah daripada 30 sebelum ini.

Selain daripada peningkatan dalam sistem pengumpulan data, Bahagian Perancang Jalan turut menjalankan Kajian Trafik Malaysia Fasa 2 (*Malaysian Highway Capacity Study – Stage 2*) yang bertujuan menerbitkan *Highway Capacity Manual*. Ia merupakan suatu piawaian bagi kerja-kerja perancangan dan rekabentuk jalan berpandukan keadaan persekitaran Malaysia. Melalui penghasilan piawaian tersebut, segala analisa trafik dapat dijalankan berasaskan kepada kriteria tempatan dan tidak lagi perlu bergantung kepada piawaian yang diterbitkan oleh negara luar. Kajian ini yang dijalankan secara berperingkat akan



mula melaksanakan peringkat ketiga atau Fasa 3 kajian pada tahun 2007.

Pada tahun 2006 dalam usaha untuk menganalpasti corak dan sifat penjanaan perjalanan mengikut jenis-jenis gunatanah di Malaysia, Bahagian telah melaksanakan Kajian *Trip Generation Malaysia*. Kajian ini merupakan yang ketiga atau pada peringkat fasa 3 daripada keseluruhan Kajian yang dijalankan secara berterusan semenjak tahun 2000. Melalui kajian ini buku garispanduan telah diterbitkan iaitu *Malaysia Trip Generation Manual*. Buku ini mengandungi maklumat-maklumat bagi membolehkan anggaran trafik yang dijanakan mengikut gunatanah dapat dibuat. Bagi tujuan semakan atau mengemaskini manual yang telah disediakan, pihak Kementerian telah menjalankan kajian yang sama terhadap kategori gunatanah institusi kesihatan, yang melibatkan Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, Hospital Daerah Temerloh, dan Hospital Pantai Air Keroh, Melaka.

Sistem pengangkutan jalan raya mempunyai perkaitan yang rapat dengan pembangunan guna tanah. Sifat-sifat kesinambungan ini penting didalam proses perancangan dan pemantauan pembangunan bandar dan wilayah. Kedua-

dua maklumat tersebut perlu diintegrasikan bagi menggambarkan senario semasa dan akan datang. Maklumat-maklumat trafik dan guna tanah ini dapat disimpan dan dianalisis menggunakan Sistem Maklumat Geografi atau *Geographic Information System* (GIS). Sehubungan dengan ini Bahagian bersama-sama Kementerian pada tahun 2006 telah mula melangkah ke era teknologi maklumat ini dengan membangunkan pangkalan data dengan penggunaan sistem GIS ini. Sistem ini merupakan suatu sistem pangkalan data berkomputer yang mana segala maklumat geografi sesuatu kawasan dapat disimpan, diolah dan dianalisis dengan sistem komputer. Selain dari menyediakan fungsi-fungsi analisis jaringan, sistem ini menyediakan pangkalan data yang dapat digunakan untuk analisis sistem pengangkutan bandar. Analisa seperti penjanaan trip, keupayaan jalan, perancangan laluan, tahap kebolehsampaian dan lain-lain dapat dilakukan dengan menggunakan maklumat-maklumat dalam GIS. Dengan ini Bahagian ini mampu merancang dan membangunkan jalan raya di Malaysia dengan lebih cepat, tepat, dan berkesan supaya keperluan pembangunan dan keselamatan negara tidak terjejas.



Bahagian Perancang Jalan

# Pencapaian

## Kaedah Menangani Masalah Kesesakan

Kemajuan dan pembangunan negara masa kini perlu diseimbangkan dengan prasarana yang terancang dan lagi efektif. Peningkatan kadar pertumbuhan dan perkembangan perbandaran dan kawasan sekitarnya yang tinggi banyak memberi implikasi termasuk kesesakan lalulintas. Oleh itu setiap bandar perlu merancang sistem pengangkutan dan pengurusan trafik yang berkesan agar dapat melancarkan pergerakan dengan lebih selamat dan selesa. Untuk tujuan ini kajian-kajian dijalankan bagi menyediakan pelan induk pengangkutan bandar yang mempunyai sistem pengangkutan bersepadu dan efisien yang dapat mengurangkan kemalangan jalan raya dan pencemaran persekitaran. Pelan induk ini juga merangka pelan tindakan bagi jangka masa pendek sederhana dan panjang. Dalam tahun 2006 Bahagian telah menjalankan kajian bagi Bandar Kuala Terengganu dan Bentong.

Penyediaan jalan-jalan pintas bagi mengelakkan kesesakan dalam kawasan pusat bandar juga dijadikan sebagai strategi Bahagian untuk mengatasi masalah pengangkutan kesesakan trafik di bandar-bandar. Pada tahun 2006 kajian-kajian kemungkinan jalan pintas bandar telah dilaksanakan bagi Kampar, Kulai, dan Sandakan (dijalankan sehingga peringkat rekabentuk kejuruteraan yang terperinci). Manakala perancangan akses terus ke Pontian, Johor telah disediakan untuk meningkatkan aksesibiliti Pontian ke lebuh raya



dan Johor Bahru serta Singapura. Bahagian juga mendapati pembinaan jambatan-jambatan baru di kawasan bandar yang pesat membangun berpotensi untuk mengurangkan kesesakan trafik di kawasan terbabit. Sehubungan ini Kementerian telah melaksanakan Kajian Kemungkinan Pembinaan Jambatan Kedua Permas Jaya, Johor Bahru, dan Kajian Kemungkinan Pembinaan Jambatan Kedua Rantau Panjang, Kelantan-Pekan Golok, Thailand yang sedang dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap pada pertengahan 2007.

## Sistem Pengangkutan Pintar

Lanjutan daripada pelaksanaan Pelan Induk Sistem Pengangkutan Pintar (*Intelligent Transport System*

(ITS) yang telah disiapkan pada tahun 2004, Bahagian ini pada tahun 2006 telah menjalankan Kajian *The Development of ITS System Architecture For Malaysia*, sebagai addendum pada kajian tersebut.

Pada masa ini ITS di negara ini dilaksanakan tanpa penyelarasan di mana ini telah menyebabkan wujudnya pelbagai sistem ITS. Sistem ITS yang pelbagai ini tidak mampu berhubung antara satu dengan lain (*non interoperable*), dan sukar untuk diintegrasikan. Masalah ini dapat dilihat dalam penggunaan teknologi komunikasi yang berbeza dalam Sistem Kutipan Tol (*Electronic Toll Collection* (ETC) yang tidak mampu untuk beroperasi dan berkomunikasi antara satu sama lain. *System Architecture ITS* yang dibangunkan ini akan menjadi panduan kepada pihak yang terlibat dengan ITS seperti pemaju perisian (*software developers*), pengilang perkakasan (*hardware manufacturers*) dan pengintegrasikan sistem (*system integrators*) di dalam mengeluar dan memajukan sistem ITS di negara ini agar lebih terancang dan sistematik.

### **Usaha Meningkatkan Keselamatan Jalan Raya**

Bahagian Perancang Jalan senantiasa amat prihatin terhadap insiden-insiden kemalangan yang berlaku di jalan raya, terutama pada musim perayaan. Secara purata 15 kematian sehari dicatatkan dalam tempoh 15 hari musim perayaan pada tahun 2004 dan 2005. Bagi menangani kadar kemalangan jalan raya yang tinggi ini di Malaysia, Bahagian telah menjalankan beberapa kajian yang berkaitan sepanjang tahun 2006. Selain daripada mengenalpasti kawasan atau lokasi kemalangan, Bahagian juga menjalankan kajian keberkesanan terhadap langkah-langkah pemberian yang telah diambil terhadap 75 lokasi kemalangan di jalan-jalan persekutuan, negeri dan bandaran. Data kemalangan dikaji bagi tiga (3) tahun sebelum dan selepas kerja-kerja pemberian dibuat.

Untuk meningkatkan kualiti data kemalangan dan penggunaannya yang lebih berkesan, Bahagian memperkenalkan kaedah baru iaitu penggunaan lokasi koordinat latitud dan longitud(kedudukan global) melalui peralatan (*Global Positioning System (GPS)* ). Dengan sistem ini kedudukan atau lokasi kemalangan sebenar dapat ditentu dan ditunjukkan dengan tepat dalam tempuh yang singkat.





### Penswastaan Lebuhraya Bertol

Projek-projek lebuhraya bertol yang diswastakan perlu berdaya maju dengan kadar tol yang minima. Ia memerlukan jajaran yang terbaik dan memenuhi piawai yang tinggi. Untuk tujuan ini Bahagian Perancang Jalan telah menjalankan beberapa kajian trafik bagi membuat unjuran trafik. Tujuan utama kajian trafik ini dijalankan ialah untuk mendapatkan unjuran trafik yang realistik bagi jajaran lebuhraya tersebut. Dengan unjuran ini revenue kutipan tol dapat diunjurkan bagi menentukan sama ada projek

